

30 JUN 2000

OIC-Kesimpulan/I

HASIL PALING BERMAKNA ADALAH PERPADUAN DAN KESEPAKATAN

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Hasil paling bermakna pada sesi ke-27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam yang berakhir hari ini adalah semangat perpaduan dan kesepakatan yang ditunjukkan oleh para perwakilan, kata pengerusi persidangan Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

"Walaupun terdapat percanggahan pendapat saya berpendapat bahawa sebahagian besar isu asas dan utama dipersetujui.

"Kita berbincang dengan serius bagaimana kita harus bergerak ke hadapan dan tidak sekadar melihat OIC sebagai sebuah pertubuhan yang tidak dapat mencapai kejayaan," katanya pada persidangan media selepas berakhirnya mesyuarat empat hari itu.

Kira-kira 1,000 perwakilan dari 56 buah negara anggota menghadiri persidangan itu yang diadakan di Hotel Palace of Golden Horses di sini.

Syed Hamid berkata negara-negara anggota telah menunjukkan sikap yang serius dan keinginan untuk menjadikan OIC sebuah pertubuhan yang dihormati dan berwibawa.

Ketika ditanya sama ada perpaduan di dalam pertubuhan itu perlu dipertingkatkan memandangkan perkumpulan itu gagal mencapai persetujuan sebulat suara untuk menarik balik sekatan ekonomi ke atas Iraq, Syed Hamid berkata beberapa percanggahan pendapat adalah sesuatu yang normal bagi persidangan bertaraf antarabangsa.

"Di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pun terdapat beribu-ribu resolusi. Bukan semua resolusi dipersetujui oleh semua negara," katanya.

Walaupun sesuatu resolusi tidak dipersetujui oleh semua anggota OIC ia tidak bermakna pertubuhan itu tidak mencapai kejayaan yang positif, kata beliau.

Syed Hamid berkata para perwakilan menitikberatkan perpaduan, kesepakatan dan kerjasama yang lebih erat dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, sains dan teknologi.

Sambil mengulangi gesaan Malaysia supaya sekatan Majlis Keselamatan PBB ke atas Iraq yang dikenakan pada 1990 ditarik balik, beliau berkata: "Sekatan itu sudah agak lama dan harus ditarik balik."

Mengenai sumbangan Malaysia kepada ICFM, beliau berkata Malaysia telah memperkenalkan lima resolusi -- pembaharuan terhadap kerangka kewangan antarabangsa, mengukuhkan sistem perdagangan pelbagai hala global dan impak kemajuan di dalam perhubungan dan teknologi maklumat ke atas kedaulatan negara-negara.

Malaysia juga mengemukakan resolusi berhubung penyusunan semula sekretariat OIC dan untuk mencari penyelesaian yang aman terhadap penderitaan rakyat Chechnya, kata Syed Hamid.

Beliau berkata, "ICFM juga menyokong banyak idea dan cadangan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad."

Sesi ke-27 ICFM yang berakhir hari ini disertai oleh kira-kira 1,000 perwakilan dari 56 buah negara anggota dan empat negara pemerhati -- Bosnia Herzegovina, Republik Afrika Tengah, Cote d'Ivoire dan Thailand.

Sesi ke-28 ICFM akan diadakan di Mali, Afrika pada tahun depan.

-- BERNAMA

TM AKD